

Menteri, pegawai kerajaan diarah pantau kampung

Langkah pastikan kesejahteraan rakyat terjamin, pembangunan tidak ketinggalan

Oleh Asrol Awang
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan Jemaah Menteri, Ketua Setiausaha Negara (KSN), Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dan pegawai kanan kerajaan mengambil serius tanggungjawab memantau kawasan kampung demi memastikan kesejahteraan rakyat.

Beliau berkata, kesejahteraan rakyat, khususnya di kampung perlu diberi perhatian serius untuk memastikan tidak ketinggalan jauh dengan kawasan bandar dan pemantauan pula tidak perlu setiap hari, memadai sebulan atau dua bulan sekali untuk memastikan pembangunan kampung tidak terpinggir.

“Ada jentera kerajaan, betul, tetapi kadang-kadang tak sampai maklumat. Arahan kita, dalam Kampung Angkat MADANI, termasuk PM (Perdana Menteri), menteri, KSN, KSU (Ketua Setiausaha) kementerian dan semua pegawai kanan mesti pilih kampung asal atau mana-mana kampung lain untuk dijadikan kampung angkat.”

“Sebab apa? Semua ada teori masing-masing, cakap tentang ekonomi, sosial, masalah kesihatan, pendidikan, bagaimana nak ukur berjaya atau tidak? Kita ukur dari peringkat bawah.



Anwar beramah mesra dengan orang ramai pada pelancaran Kampung Angkat MADANI peringkat kebangsaan di Kampung Chengal Lempong, Kuantan, semalam. (Foto Asrol Awang/BH)

“Maknanya, kalau nak tahu (teori masing-masing) berjaya atau tidak, turun ke kampung, tengok masalah kesihatan, pendidikan, soal keciciran, sakit mental,” katanya.

Menegaskan demikian ketika berucap pada pelancaran Kampung Angkat MADANI peringkat kebangsaan di Kampung Chengal Lempong, di sini semalam, Perdana Menteri berkata, pembangunan tidak boleh ditumpukan kepada kawasan bandar sahaja.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, aktiviti turun ke kampung telah dilakukannya sejak beberapa bulan lalu dan mesyuarat turut dibuat untuk mengetahui masalah di kampungnya di Cherok To’kun, Pulau Pinang.

“Saya lahir di Sungai Bakap, tapi umur lima tahun pindah ke Bukit Mertajam dan Cherok To’kun, saya membesar di Cherok To’kun, jadi saya pilih Cherok To’kun. Saya panggil imam, guru besar, guru-guru tengok masalah keciciran, kenapa anak ini berhenti,” katanya lagi.

Perjelas dasar dilaksanakan

Sementara itu, Anwar berkata, program Kampung Angkat MADANI juga untuk menilai sejauh mana keberkesanan dasar yang diumumkan kerajaan.

Katanya, ada kalanya dasar hebat yang diumumkan kerajaan belum dapat difahami sepenuhnya oleh rakyat, namun masalah seperti itu dapat diatasi jika pemimpin dan pegawai kanan kerajaan turun ke peringkat akar

umbi membuat penjelasan.

“Bagaimana nak ukur berjaya atau tidak? Perlu turun ke kampung untuk mendapatkan maklumat dan dapat selesaikan (isu) dengan baik,” katanya.

Program Kampung Angkat MADANI antara ikhtiar yang diumumkan ketika pembentangan Belanjawan 2024, dengan objektif untuk memastikan dan memberi tumpuan kepada melengkapkan kemudahan serta prasarana asas di desa dan kawasan pedalaman.

Pada majlis sama, Anwar menyampaikan geran RM100,000, masing-masing kepada Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) dan Persatuan Penduduk Kampung Chengal Lempong, selain sumbangan kepada 1,000 asnaf di Parlimen Indera Mahkota dan 401 nelayan.